

Implikasi Penentuan ‘*Illat Ribawi* Emas Terhadap Kewajipan Zakat Wang Fiat

Najahudin Lateh (Dr)^{1,a}, Ghafarullahuddin Din (Dr)²,
Salmy Edawati Yaacob (Dr)³, Siti Noorbiah Md Rejab⁴

^{1,2,3,4}Universiti Teknologi MARA & Universiti Kebangsaan Malaysia

^anajahudin@salam.uitm.edu.my

Keywords: ‘illat, emas, ribawi, wang fiat, zakat

Abstrak. Kajian ini bertujuan untuk membahaskan penentuan ‘*illat* ribawi emas dan implikasinya dalam penggunaan wang fiat menurut pandangan Islam. Penentuan ini memberi impak terhadap amalan umat Islam termasuk kaedah transaksi menggunakan mata wang, zakat dan modal mudarabah. Kajian ini secara dilakukan secara kualitatif deskriptif dengan mengkaji pandangan ulama dalam karya masing-masing. Data dianalisis secara deskriptif dan komparatif untuk mendapatkan pandangan yang paling sesuai. Penemuan menunjukkan terdapat dua pandangan, iaitu pendapat yang menganggap ‘*illat* ribawi emas termasuk wang fiat dan pendapat yang sebaliknya. Hasilnya, kajian ini mentarjih pandangan pertama bahawa wang fiat mengandungi ‘*illat* ribawi emas. Oleh itu, hukum transaksi wang fiat adalah sama dengan hukum transaksi emas. Kajian ini dapat membantu umat Islam mengaplikasi transaksi menggunakan wang fiat dalam pembayaran zakat, peruntukan modal dan pertukaran mata wang secara syariah.

PENDAHULUAN

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الصَّامِتِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ، وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ، وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ، وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ، وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ، وَالْمَلْحُ بِالْمَلْحِ، مِثْلًا بِمِثْلٍ، سَوَاءً بِسَوَاءٍ، يَدًا بِيَدٍ، فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ، فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ، إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ

Maksudnya: Daripada ‘Ubādah bin al-Ṣāmit RA berkata, telah bersabda Rasūlullah SAW: (Pertukaran emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam, hendaklah sama berat, hendaklah serah tangan terus. Sekiranya berbeza jenis (barang), maka jual seperti yang engkau mahukan dengan tidak bertangguh penyerahan secara terus.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Emas ialah salah satu daripada enam barangan *ribawī* selain perak, gandum, barli, tamar dan garam seperti yang disebutkan dalam ḥadīth ‘Ubādah bin al-Ṣāmit RA di atas. Maksud *ribawī* adalah transaksi melibatkan keenam-enam barangan tersebut mengandungi unsur riba yang diharamkan dalam Islam, sama ada riba *al-duyun* ataupun riba *al-buyu*. Riba *al-duyun* berlaku melalui pertambahan bayaran ke atas hutang atau disebabkan penangguhan bayaran. Riba *al-buyu* pula berlaku melalui pertambahan dalam transaksi barangan riba yang mempunyai ‘*illah* sama atau pertukaran secara bertangguh (al-Misri, 2001; al-Zuhayli, 2005). Oleh itu, muamalat dengan keenam-enam barangan tersebut adalah berbeza dengan barangan-barangan lain. Ulama bersepakat bahawa keenam-enam item tersebut melibatkan hukum pengharaman riba apabila berlaku transaksi (al-Kasani, 1986; Ibn al-Qudamah, 1968; Ibn Hazm, t.t). Pengharaman tersebut berdasarkan ‘*illah* atau sebab pada barangan tersebut yang turut memberikan implikasi hukum sama pada barangan lain yang mempunyai ‘*illah* yang sama, termasuklah wang fiat (kertas) dan barangan kemas.

HUBUNGAN EMAS DAN ZAKAT MENURUT NERACA WAHYU

Ayat al-Qurān serta ḥadīth memberikan kedudukan yang istimewa kepada emas dengan menyatakan peri penting dan fungsinya kepada hidup manusia. Emas disebut dalam al-Qurān dengan pelbagai nama antaranya *dhahab*, *dīnār*, *hullī* dan *zukhruf*. Kalimat ‘*dhahab*’ disebut sebanyak lapan kali (pada surah Āli-‘Imrān, 3:14; Āli-‘Imrān, 3:91; al-Tawbah, 9:34; al-Kahf, 18:31; al-Hajj, 22:23; al-Fāṭir, 35:33; al-Zukhrūf, 43:53; al-Zukhrūf, 43:71), *dīnār* (Āli-‘Imrān, 3:75;), *hullī* (al-A’raf, 7:148) dan *zukhrūf* (al-Isrā’, 17:93; al-Zukhrūf, 43:35). Ayat-ayat tersebut menunjukkan fungsi emas sebagai alat pertukaran, unit piawai dan penyimpan nilai (Abd al-Mun’im, 1992). Malah, umat Islam dilarang daripada menyimpan atau menyorok emas tanpa membelanjakannya seperti membayar zakat. Ini diingatkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَطْلِ وَيَصُدُّونَ عَن

سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendita-pendita dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(al-Tawbah, 9:34)

Ayat di atas merupakan kecaman Allah SWT ke atas mereka yang menyimpan emas dan perak tanpa menunaikan hak zakat yang diwajibkan ke atas harta tersebut (al-Ghazali, t.t; Ibn Kathir, 1994). Oleh itu, umat Islam diwajibkan menunaikan kewajipan zakat emas fizikal atau barangan kemas yang disimpan, yang dipakai jika melebihi uruf serta zakat pendapatan daripada hasil pelaburan emas jika memenuhi syarat-syaratnya (Lokmanulhakim *et al.*, 2013).

Emas turut disebutkan dalam ḥadīth sebagai alat ukuran nilai dalam hukum-hukum Islam tertentu seperti nisab zakat dan kadar zakat yang dikenakan. Sebagai contohnya, nisab zakat emas atau kadar minimum yang dikenakan zakat ditetapkan sebanyak 20 *mithqāl* emas mengikut *ijmā*’ ulama (al-Nawawi, 1392H). Kadar zakat emas yang dikenakan pula adalah sebanyak 2.5 peratus ataupun 1/40 seperti disebutkan dalam ḥadīth Rasūlullah SAW daripada ‘Āisyah RA dan ‘Alī bin Abī Ṭālib RA:

كَانَ يَأْخُذُ مِنْ كُلِّ عِشْرِينَ دِينَارًا فَصَاعِدًا، وَنِصْفَ دِينَارٍ، وَمِنْ الْأَرْبَعِينَ دِينَارًا، دِينَارًا

Maksudnya: Adalah Nabi SAW mengambil (sebagai zakat) separuh dinar daripada setiap 20 dinar dan satu dinar daripada 40 dinar.”

(Riwayat Abū Dāwud dan Ibn Mājah)

KEWUJUDAN ‘*ILLAH* BARANGAN *RIBAWI*

Sarjana Islam seperti al-Kamali (2002) dan Saddam (2006) mendapati majoriti ulama berpandangan keenam-enam barang riba yang disebutkan dalam ḥadīth mempunyai ‘*illah* yang berbeza. Perbezaan ‘*illah* ini digambarkan dalam ḥadīth yang panjang yang mana Abū Sa’id al-Khudrī RA menyebutkan, (فَاتَّمَرُ بِالتَّمْرِ أَحْوَجُ أَنْ يَكُونَ رِبَا، أَمْ الْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ؟) “Adakah pertukaran tamar dengan tamar lebih berhak dikenakan riba ataupun pertukaran perak dengan perak”. Kata-kata ini menunjukkan terdapat ‘*illah* yang berlainan dalam transaksi perak dan transaksi tamar (al-Kamali, 2002; al-Zuhayli, 2005; Lajnah al-Da’imah, t.t).

Namun, ulama minoriti termasuk mazhab al-Zahiri menyatakan item riba tidak mempunyai ‘*illah* pengharamannya dan mereka hanya menerima nas yang zahir sahaja tanpa *qiyās*. Pendapat ini bermaksud transaksi yang diharamkan adalah terhad kepada keenam-enam item *ribawī* tersebut dan tidak meliputi barangan lain. Begitu juga mereka tidak mengklasifikasikan item-item tersebut kepada kategori tertentu mengikut ‘*illah*. Perkara ini berbeza dengan *jumhūr* ulama daripada mazhab al-Hanafi (al-Kasani, 1986), al-Maliki (Ibn al-Rusyd, 1988), al-Syafi’i (al-Syarbini, 1994) dan al-Hanbali (Ibn al-Qudamah, 1968) yang menetapkan enam item *ribawī* mempunyai ‘*illah* yang khusus.

Jumhūr ulama berselisih pendapat apabila menetapkan apakah ‘*illah* bagi barangan ribawi. Sebahagian ulama menetapkan ‘*illah* yang sama untuk keenam-enam item tersebut. Al-Kamali (2002) menyatakan pendapat ini dipegang oleh Ibn Sirin, Sa’id bin Jubayr dan Abū Bakr bin al-‘Āṣam al-Mu’tazilī kerana kesemua barangan tersebut mempunyai manfaat yang hampir sama. Namun, sebahagian ulama pula membahagikan enam item tersebut kepada dua kategori ‘*illah*, iaitu emas dan perak mempunyai satu ‘*illah* sementara empat item baki mempunyai satu ‘*illah* yang lain. Al-Zuhayli (1989) dan disokong oleh Saddam (2006) telah menghuraikan empat pandangan dalam hal tersebut seperti berikut:

(a) **Pandangan Pertama:** ‘*Illah* bagi emas dan perak adalah jenis timbangan, sementara ‘*illah* bagi barangan empat yang lain adalah jenis sukatan. Pandangan ini daripada mazhab al-Hanafi (al-Kasani, 1986) dan pendapat masyhur dalam mazhab al-Hanbali melalui salah satu riwayat Imam Ahmad (Ibn al-Qayyim, 1991) serta *tarjih* oleh Ibn al-Rusyd (1988). Pandangan ini menjadikan timbangan sebagai ‘*illah* pengharaman riba pada emas. Oleh itu, semua barangan sama ada emas, perak, besi, gandum, kain, kapas, minyak, makanan atau bukan makanan dan sebagainya yang dapat ditimbang atau disukat terdedah kepada riba (al-Zuhayli, 1989). Sebagai contohnya, pertukaran emas dengan emas, besi dengan besi atau kapas dengan kapas hendaklah sama jenis dan dalam majlis kontrak yang sama. Jika tidak, riba akan berlaku dalam transaksi tersebut. Oleh itu, transaksi barangan yang dijadikan timbangan atau sukatan ini daripada sama jenis hendaklah sama berat (*tamāthul*) dan berlaku serah terima (*taqābuḍ*) dalam satu majlis kontrak. Begitu juga transaksi barangan yang bukan sama jenis seperti jual beli emas dengan perak hendaklah ada serah terima (*taqābuḍ*) tetapi tidak perlu sama berat (*tamāthul*) (al-Kamali, 2002; Lajnah al-Da’imah, t.t).

(b) **Pandangan Kedua:** *‘Illah* bagi emas dan perak adalah sebagai alat pengukur nilai, sementara *‘illah* bagi yang lain ialah makanan asasi yang mengenyangkan dan boleh disimpan pada waktu yang lama. Perkara ini masyhur dalam kalangan mazhab al-Malikī (al-Kamali, 2002). Pandangan ini menjadikan emas dan perak sebagai alat pengukur nilai sesuatu barangan sebagai *‘illah* pengharaman riba pada emas. Oleh itu, barangan lain selain emas dan perak yang bukan dijadikan alat pengukur nilai seperti besi tidak terdedah kepada riba.

(c) **Pandangan Ketiga:** *‘Illah* bagi emas dan perak ialah *jawhariyyah thamaniyyah ghalibah* (piawai mata wang utama), iaitu emas dan perak yang menjadi penentu harga utama, sementara *‘illah* bagi yang lain adalah jenis makanan. Pandangan ini merupakan mazhab al-Syāfi’ī (al-Syarbini, 1994) yang hanya menghadkan emas dan perak sebagai piawai harga dan bukannya logam lain. Kata al-Syarbini :

وعلة الربا في الذهب والفضة جنسية الأثمان غالباً كما صححه في المجموع، ويعبر عنها أيضاً بجمهورية الأثمان غالباً

Maksudnya: *‘Illat* riba pada emas dan perak adalah sejenis harga yang kebiasaan seperti yang disahkan dalam *al-Majmu’* (al-Nawawi), dan dikatakan juga sebagai piawai harga yang menjadi kebiasaan. (al-Syarbini, 1994)

Oleh itu, emas dan perak sebagai piawai harga ataupun mata wang berfungsi sebagai penentu harga bagi semua barangan seperti tanah, makanan, pakaian dan sebagainya. Oleh itu, hanya emas dan perak dikenakan riba, tidak pada barang atau logam lain seperti besi, tembaga atau timah. Jenis makanan pula mencakupi tiga perkara, iaitu makanan asasi, buah-buahan ataupun makanan kesihatan (al-Zuhayli, 1989).

(d) **Pandangan Keempat:** *‘Illah* bagi emas dan perak ialah *thamaniyyah* (sebagai harga) iaitu kedudukannya sebagai pengukur harga, sementara *‘illah* bagi yang lain adalah jenis makanan. Pandangan ini adalah salah satu riwayat Imam Ahmad dan dipilih oleh Ibn Taymiyyah (1417H) dan Ibn al-Qayyim (1991). *‘Illah* pengharaman riba pada emas menurut pandangan ini ialah emas mempunyai sifat yang boleh dijadikan harga atau alat nilai untuk semua barangan. Perkara ini disebabkan harga hendaklah tetap dan tidak berubah-ubah hingga menjadikan urusan perniagaan terganggu. Sifat ini terdapat pada emas dan perak yang boleh menjadi harga kepada barang jualan. Oleh itu, sesuatu barangan lain yang dijadikan alat pengukur harga sama ada wang kertas atau lainnya adalah terlibat dengan hukum-hakam riba apabila berlaku transaksi (Ibn Taymiyyah, 1417H).

Meneliti kesemua pandangan ini, penyelidik lebih cenderung kepada pandangan keempat bahawa *‘illah* pengharaman riba bagi emas adalah sifatnya sebagai *thamaniyyah* seperti *tarjih* oleh Ibn Taymiyyah (1995) dan Ibn al-Qayyim (1991). Kata Ibn Taymiyyah:

الكلام في علة تحريم الربا في الدينارين والدرهم. والأظهر أن العلة في ذلك هو الثمنية؛ لا الوزن كما قاله جمهور العلماء ولا يحرم التفاضل في سائر الموزونات كالرصاص والحديد والحريير والقطن والكتان

Maksudnya: Perbincangan pada *‘illah* pengharaman pada dinar emas dan dirham perak: dan pendapat yang paling tepat dalam hal ini adalah *thamaniyyah* (sebagai harga) seperti pendapat *jumhūr* ulama, bukannya timbangan. (Oleh itu) tidak haram *al-tafaḍul* (melebihi emas) dalam semua timbangan seperti (dengan) plumbum, besi, sutera, kapas dan linen.” (Ibn Taymiyyah, 1995)

Ibn al-Qayyim pula menyebutkan:

وأما الدرهم والدينارين، فقالت طائفة: العلة فيهما كونهما موزونين، وهذا مذهب أحمد في إحدى الروايتين عنه ومذهب أبي حنيفة، وطائفة قالت: العلة فيهما الثمنية، وهذا قول الشافعي ومالك وأحمد في الرواية الأخرى، وهذا هو الصحيح بل الصواب

Maksudnya: Berkaitan dirham perak dan dinar emas, sebahagian ulama berpandangan *‘illah* pada kedua-duanya adalah timbangan. Ini adalah mazhab Ahmad pada salah satu riwayat daripadanya dan mazhab Abū Hanifah. Sebahagian ulama pula berpandangan bahawa *‘illah* pada kedua-duanya adalah kedudukannya sebagai harga. Ini adalah pendapat al-Syāfi’ī, Mālik dan Ahmad pada riwayat yang lain. Ini adalah pendapat ṣāḥih lagi tepat.

(Ibn al-Qayyim, 1991)

Walaupun begitu, pandangan keempat hampir sama dengan pandangan kedua dan ketiga. Perbezaan pandangan yang

ditarjih ini dengan pandangan mazhab al-Malikī dan al-Syāfi’ī hanyalah pada *‘illah* pengharaman riba yang hanya dihadkan kepada emas dan perak. Mazhab al-Syāfi’ī meletakkan emas dan perak menjadi piawai mata wang utama sebagai *‘illah* riba. Hal demikian bermakna *‘illah* tersebut hanya terhad kepada emas dan perak sahaja dan tidak meliputi barangan lain seperti besi, tembaga, kapas dan sebagainya. Begitu juga mazhab al-Malikī berpandangan *‘illah* riba adalah menjadikan emas dan perak sebagai pengukur nilai sesuatu barang (Ibn al-Rusyd, 1988). Oleh itu, ia juga hanya terhad kepada emas dan perak sahaja, bukannya barangan lain. Perkara ini berbeza dengan pandangan keempat yang menyatakan *‘illah* riba emas dan perak adalah kedudukan kedua-duanya sebagai harga (*thamaniyyah*). Hal ini bermakna *‘illah* pengharaman riba pada emas dan perak diperluaskan kepada semua jenis barangan yang dijadikan harga. Sebagai contohnya, riba boleh berlaku dalam *fulus* atau wang fiat yang digunakan zaman moden ini kerana ia adalah mata wang yang digunakan dalam pertukaran barangan (al-Zuhayli, 1989). Oleh itu, sebarang transaksi melibatkan mata wang mestilah memenuhi syarat seperti emas. Wang kertas ringgit umpamanya hendaklah memenuhi syarat *tamāthul* dan *taqābuḍ* jika ditukar dengan ringgit juga. Begitu juga ringgit apabila ditukarkan dengan mata wang jenis lain seperti dollar, disyaratkan hendaklah *taqābuḍ* dan tidak perlu *tamāthul*.

PELUASAN ‘ILLAH RIBAWI KEPADA BARANGAN LAIN

Saddam (2006) telah menghuraikan pertikaian ulama dalam menentukan adakah barangan lain juga berlaku riba ataupun dikhususkan untuk enam barangan dalam ḥadīth itu sahaja. Minoriti ulama salaf seperti Ṭāwus, Masrūq, al-Sya’bī, Qatādah, ‘Uthmān al-Bāṭī (Ibn al-Qudamah, 1968) dan mazhab al-Ḍāhiri (Ibn Hazm, t.t) berpandangan bahawa riba terbatas kepada enam barangan tersebut sahaja. Pandangan ini berhujah dengan lafaz umum ayat al-Qurān untuk berjual beli dan berniaga seperti firman Allah SWT:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya: Allah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba.

(al-Baqarah, 2: 275)

Begitu juga ayat firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَن تَرَاضٍ مِّنكُمْ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.

(al-Nisa’, 4: 29)

Mereka juga berhujah bahawa syarak tidak menyebutkan barangan lain selain enam item tersebut yang berlaku riba. Mereka berpegang dengan nas sahaja dan tidak menerima *qiyās*. Menurut Ibn Hazm (t.t), lisan Rasūlullah SAW telah menjelaskan apakah yang dikatakan sebagai riba yang diharamkan oleh Allah SWT dalam ayat di atas. Item yang tidak dinyatakan sebagai haram sudah tentu harus untuk dalam jual-beli dan tidak melibatkan hukum riba. Hal ini kerana asal sesuatu adalah harus dan halal seperti firman Allah SWT tersebut (Ibn Hazm, t.t).

Jumhūr ulama pula berpandangan bahawa hukum riba diluaskan kepada barangan lain yang mempunyai *‘illah* yang sama berdasarkan dalil *qiyās* yang diterima sebagai salah satu sumber hukum Islam (al-Ghazali, t.t). Oleh itu, hukum *qiyās* perlu digunakan untuk mengeluarkan item lain yang mempunyai *‘illah* yang sama seperti dalam ḥadīth (Ibn al-Qudamah, 1968). Ḥadīth item riba telah menguraikan secara khusus ayat al-Qurān tentang keharusan menjual beli yang bersifat umum. *Jumhūr* juga berhujah meluaskan item riba kepada barangan lain berdasarkan ḥadīth yang menunjukkan riba juga boleh berlaku dalam semua item barangan yang ditimbang. Antaranya sabda Nabi SAW kepada Bilal bin Rabah RA yang menukarkan tamar yang baik dan yang kurang baik dengan timbangan yang berlainan:

لَا تَفْعَلْ، بَعْ الْجَمْعَ بِالذَّرَاهِمِ، ثُمَّ ابْتَغِ بِالذَّرَاهِمِ جَنِيْبًا

Maksudnya: Jangan buat begitu (kerana ia riba *al-faḍl*), sepatutnya jual dahulu (tamar kami) dan dapatkan wang, kemudian dengan (wang) dirham tersebut belilah tamar *Janīb*.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Ḥadīth ini secara umum membuktikan setiap barangan yang ditimbang ialah item riba. Menurut *jumhūr* ulama pula, riba bukannya terhad kepada enam barangan itu sahaja tetapi meliputi barangan lain yang mempunyai *‘illah* yang sama dengan enam barangan itu sahaja. Penyelidik memilih dan mentarjih pandangan tersebut kerana pandangan pertama di atas agak lemah kerana hanya bersandarkan kepada zahir ḥadīth. Hal demikian tidak bertepatan dengan *fiqh* Islam yang

semakin berkembang pada zaman moden dan perlu melihat kepada *‘illah* hukum serta *maqāṣid al-syarī’ah*nya. Pendapat *jumhūr* ulama juga lebih bertepatan kerana menggunakan dalil *qiyās* yang *ṣahīḥ* dengan meluaskan item riba kepada barangan lain yang mempunyai *‘illah* yang sama. Sebagai contohnya, wang fiat yang digunakan pada zaman kini juga adalah item riba kerana mempunyai *‘illah* yang sama dengan emas, iaitu harga (mata wang). Oleh itu, emas haram dijual beli menggunakan mata wang secara ansuran, tangguh ataupun hutang.

IMPLIKASI *‘ILLAH RIBAWI* KE ATAS WANG FIAT

‘Illah riba bagi emas adalah *al-thamaniyyah* (harga) menurut *jumhūr* ulama (al-Syarbini, 1994; Ibn al-Rusyd, 1988; Ibn Taymiyyah, 1417H). Transaksi antara barangan yang mempunyai *‘illah* yang sama perlu dilakukan tanpa hutang seperti yang dibincangkan di atas. Namun, realiti zaman moden menunjukkan jual beli emas dilakukan menggunakan wang fiat. Perkara ini menyebabkan berlaku pertikaian pandangan ulama Islam kontemporari tentang hukum mata wang sama ada berfungsi seperti emas atau tidak. Kajian Saddam (2006) meringkaskan pertikaian tersebut diringkaskan dalam kepada dua pandangan iaitu wang fiat mempunyai *‘illat* seperti emas dan pandangan sebaliknya.

(i) Wang fiat bukanlah mata wang sebenar dan tiada *‘illah* seperti emas. Menurut ‘Abd al-Qadir bin Ahmad ibn Badran, wang *fiat* hanyalah kertas yang menjadi sandaran perbendaharaan sesebuah negara sebagai tukaran kepada nilai emas dan perak. Pandangan ini turut dikongsi oleh Ahmad al-Husayni, al-Amin al-Syanqiti, Salam bin Abd Allah bin Samir dan Abd Allah bin Ṣāmit (Badran, 1992). Mereka berpandangan wang fiat bukannya mata wang sebenar, sebaliknya adalah medium untuk transaksi dan sebagai bukti simpanan emas dan perak seseorang dalam negara. Pandangan ini turut disokong oleh beberapa ulama seperti Muhammad ‘Alysh, Muhammad Habib Allah al-Syanqiti dan ‘Abd al-Rahman al-Sa’adi dalam fatwa mereka bahawa wang fiat adalah harta dagangan yang boleh dijual beli. Ia mempunyai nilai seperti barangan perniagaan lain namun tidak mempunyai nilai intrinsik seperti emas dan perak. Menurut ‘Abd al-Rahman al-Sa’adi, Muhammad Salamat Jabr, Yahya Aman dan ‘Abd Allah al-Basam pula, wang fiat *diqiyāskan* kepada *fulus* atau sebagai tembaga yang dijadikan mata wang. *Fulus* asalnya ialah barang dagangan tetapi diberi nilai untuk memudahkan transaksi (Badran, 1992).

Oleh itu, wang fiat tidak mempunyai *‘illah thamaniyyah* seperti emas atau perak yang merupakan mata wang sebenar. Pandangan ini turut memberikan kesan bahawa mata wang fiat bukan item riba yang perlu dilakukan secara tunai serta tidak diwajibkan zakat padanya. Fatwa Dewan Syariah Nasional (DSN) Majelis Ulama Indonesia (MUI) juga berpendapat emas bukanlah *al-thaman* (alat tukar/mata wang) tetapi adalah komoditi yang boleh dijual beli secara ansuran. Walaupun begitu, DSN-MUI masih menganggap wang fiat sebagai mata wang sah yang wajib dikenakan zakat, boleh berlaku riba dan harus digunakan dalam jual beli salam serta dijadikan sebagai modal pelaburan atau syarikat (DSN-MUI, 2010).

(ii) Wang fiat adalah mata wang tersendiri dan *‘illah* yang sama dengan emas. *Jumhūr* ulama kontemporari seperti al-Qaradawi (2010), al-Zuhayli (2005) dan Khalaf (1375H) berpandangan bahawa wang fiat adalah mata wang sebenar seperti emas dan perak kerana mempunyai *‘illah* yang sama. Pandangan ini juga telah dipilih oleh muktamar Majmā’ Fiqh dan ulama Arab Saudi dalam resolusi masing-masing. Resolusi Majmā’ Fiqh pada persidangan keenam di Mekah menyatakan:

أن العملة الورقية نقد قائم بذاته له حكم النقدين من الذهب والفضة

Maksudnya: Bahawa mata wang kertas adalah mata wang yang berdiri sendiri, baginya mengambil hukum mata wang emas dan perak.

(Majma’ al-Fiqh, 1986)

Resolusi ke 10 Hay’ah Ulama Besar Arab Saudi pada persidangan ketiga pula menyatakan:

أن الورق النقدي يعتبر نقدا قائما بذاته كقيام النقدية في الذهب والفضة وغيرها من الأثمان

Maksudnya: Bahawa wang kertas diiktiraf sebagai mata wang yang berdiri sendiri seperti sifat mata wang pada emas, perak dan sebagainya daripada mata wang bernilai.

(al-Saudiyyah, 1992).

Nazri (2011) pula menyimpulkan dua pendapat ulama Islam tentang perluasan hukum emas serta perak kepada mata wang lain, iaitu (i) pendapat yang mengkhususkan mata wang kepada emas dan perak sahaja yang dipegang oleh Abū Hanifah, Ibn Nafi’ al-Malikī, al-Nawawi, Taqī al-Dīn al-Nabhānī, Ḥasan Ayyūb dan sebagainya; serta (ii) pendapat yang meluaskannya kepada komoditi lain termasuklah wang fiat yang dipegang oleh al-Syaybani al-Hanafī, Ibn Taymiyyah, Ibn Qayyim, al-Qaradawi, Taqi Usmani dan sebagainya. Perbezaan ini hasil pandangan berlainan tentang wang fiat sama ada item riba ataupun tidak. *Jumhūr* ulama iaitu mazhab al-Malikī, mazhab al-Syafi’i dan Ibn Taymiyyah berpandangan wang fiat ialah item riba. Pendapat ini berhujahkan wang fiat adalah sejenis mata wang yang sama fungsinya dengan

emas dan perak walaupun bukan dibuat daripada kedua-dua logam tersebut. Hujah ini *diqiyāskan* dengan *‘illah* yang sama antara wang fiat dan emas, iaitu mempunyai nilai *thamaniyyah* atau mata wang.

Oleh itu, semua barangan yang dijadikan mata wang sama ada berbentuk barang seperti kulit atau wang kertas seperti ringgit atau dollar ialah item riba yang sama dengan emas atau perak. Malah, ‘Umar al-Khaṭṭāb sendiri semasa pemerintahannya pernah berkata:

همت أن أجعل الدرهم من جلود الإبل فقليل له إذا لا بعير فأمسك

Maksudnya: Aku berhasrat untuk menjadikan dirham diperbuat daripada kulit unta, kemudian dikatakan kepadanya (unta) tidak boleh dipinjam maka aku membatalkan.

(al-Baladhuri, 1988).

Menurut al-Misri (2001), hasrat ‘Umar ini menunjukkan riba terdapat dalam semua mata wang walaupun selain emas dan perak. Keadaan ini bermaksud ‘Umar tidak meneruskan hasrat menjadikan kulit unta sebagai mata wang kerana bimbang berlaku peminjaman unta yang boleh terjerumus dalam najis riba. Imam Mālik (m.179H) pula menyebutkan kulit binatang yang dijadikan mata wang termasuk dalam hukum melibatkan riba. Oleh itu transaksinya hendaklah secara serahan tangan tanpa penanguhan. Pendapat ini menunjukkan mata wang kulit ialah item riba yang hukumnya sama seperti emas dan perak. Oleh itu, mata wang fiat juga termasuk dalam kategori ini. Hal ini yang turut disokong oleh badan syariah kontemporari seperti Majma’ al-Fiqh al-Islami melalui Resolusi No: 21 (9/3) pada persidangan yang ketiga di Amman, Jordan tentang hukum wang fiat dan pertukaran nilai mata wang seperti berikut:

بخصوص أحكام العملات الورقية: أنها نقود اعتبارية فيها صفة الثمنية كاملة ولها الأحكام الشرعية المقررة للذهب والفضة من حيث أحكام الربا والزكاة والسلم وسائر أحكامهما.

Maksudnya: Berkaitan hukum wang kertas: bahawa ia adalah mata wang yang diklasifikasikan sebagai bersifat *thamaniyyah* (nilai harga) yang sempurna, dan ia mengambil hukum-hukum syarak yang ditetapkan untuk emas dan perak dari segi hukum riba, zakat, jualan secara *salam* dan segala hukum-hakam kedua-duanya.

(Majma’ al-Fiqh, 1986).

Al-Kamali (2002) menyatakan ulama Islam silam tidak membicarakan persoalan wang fiat kerana tidak wujud pada zaman mereka tetapi ia dibicarakan oleh ulama kontemporari. Oleh itu, mata wang kertas atau *fiat* pada zaman kini mengambil alih hukum dinar emas dan perak menurut pandangan majoriti ulama. Pandangan ini *ditarjīh* oleh pengkaji lain seperti Nazri (2011) dan al-Kamali (2002) dalam kajian mereka. Penyelidik juga *mentarjīh* pandangan tersebut iaitu wang fiat adalah mata wang yang berdiri sendiri dan mempunyai nilai *thamaniyyah* seperti emas dan perak berdasarkan kekuatan hujah yang secara ringkasnya adalah seperti berikut:

- (i) *Qiyās* kepada mata wang dinar emas dan dirham perak yang digunakan sebagai mata wang utama dan alat pertukaran dalam proses transaksi.
- (ii) *‘Uruf* secara umum telah mengiktiraf wang fiat sebagai medium perantaraan di seluruh dunia yang sama fungsinya seperti emas dan perak.
- (iii) *Maṣlahah* kepada semua manusia yang memerlukan wang fiat ketika bermuamalat antara satu sama lain sedangkan emas dan perak tidak sah dan tidak diperlakukan sebagai mata wang.
- (iv) Kaedah *sadd al-zara’i*, iaitu langkah awal membendung kemudaratan kerana banyak hukum-hakam seperti kewujudan riba, kesahan modal *mudarabah*, bayaran awal *bay’ al-salam* atau kewajipan zakat akan terbatal jika wang fiat tidak dianggap mata wang yang mempunyai *‘illah thamaniyyah*.
- (v) Tidak wujud dalil *qat’i* (tetap) yang menyebutkan emas dan perak adalah mata wang kerana kedua-dua logam tersebut telah digunakan sebagai mata wang sebelum zaman Islam dan kedatangan Rasūlullah SAW hanyalah mengiktiraf penerusan penggunaannya sahaja.

Wang fiat adalah mata wang yang mempunyai ciri seperti dinar emas dan dirham perak yang diguna pakai dalam sejarah Islam. Oleh itu, hukum transaksi menggunakan wang fiat boleh *diqiyāskan* dengan dinar emas dan dirham perak kerana mempunyai *‘illah* yang sama iaitu *thamaniyyah* (harga). Justeru, amalan syariah dalam penggunaan emas termasuklah kewajipan zakat emas turut merangkumi kewajipan zakat ke atas wang fiat termasuklah ringgit Malaysia.

PENUTUP

Kesimpulannya, hukum mata wang termasuklah wang fiat adalah seperti hukum emas dan perak. Oleh itu, zakat wajib dibayar ke atas mata wang kertas yang disimpan atau diperniagakan setelah cukup nisab dan haul. Begitu juga transaksi mata wang fiat mengandungi riba jika berlaku transaksi secara bertangguh serta hendaklah menggunakan syarat seperti

emas dan perak dalam jual beli secara al-salam atau sebagai modal dalam perniagaan dan persyarikatan. Penyelidik menyimpulkan permasalahan ini dengan kata-kata al-Qaradāwī:

Maksudnya: Wang kertas telah menjadi alat urus niaga yang digunakan meluas di seluruh dunia. Maka bagaimanakah kita ingin membatalkan hukum riba (padanya) sedangkan semua manusia berurusan niaga dengan wang kertas dan tidak lagi berurusan niaga dengan emas atau perak? Sesiapa yang memiliki wang kertas akan dianggap kaya pada pandangan manusia, maka diwajibkan zakat ke atas orang kaya. Sedangkan harta zakat tidak harus dikenakan pada seorang yang dianggap fakir yang tidak mempunyai emas dan perak. Seseorang yang berkata demikian sudah tentu ia bermusuhan ataupun gila. Seorang lelaki membayar mahar dengan wang kertas kerana ia adalah harta yang menghalalkan hubungan kelamin. Seorang lelaki membayar harga barangan yang menghalalkan pembelian. Seorang lelaki membayar sewa barangan penyewa bagi menghalalkan manfaat barangan yang disewa. Seorang lelaki membayar diyat apabila membunuh dengan sengaja sebagai ganti darah pembunuhan. Demikianlah.. setiap muamalat menggunakan wang kertas, maka ia sudah berada (berfungsi) sepenuhnya pada kedudukan emas dan perak yang tiada seorang pun meragui hal tersebut.

(al-Qaradawi, 2010)

RUJUKAN

- Abd al-Mun'im, Muhammad Abd al-Mun'im al-Jammal. (1992). *Mausu'at al-Iqtisad al-Islami* (Ensiklopedia Ekonomi Islam) (S. Abdullah, Trans. Vol. 2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. (1993). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Khayr.
- al-Kamali, 'Abd al-Rauf bin Muhammad bin Ahmad. (2002). *al-Ziyadah wa Atharuha fi al-Mua'wadat al-Maliyah*. Kuwait: Muassasah Gharas li Nasr wa al-Tauzi'.
- al-Kasani, 'Ala' al-Din, Abu Bakr bin Mas'ud bin Ahmad. (1986). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- al-Misri, Rafiq Yunus. (2001). *Al-Jami' fi Usul al-Riba*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- al-Nawawi, Abu Zakariya Mahyi al-Din, Yahya bin Syaraf bin Murni. (1392H). *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.al-Qaradawi, Yusuf. (2010). *Min Hadyi al-Islam Fatawa al-Mu'asarah*. Beirut: Dar al-Qalam.
- al-Syarbini, Syams al-Din, Muhammad bin Ahmad al-Khatib. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. (2005). *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah : Buhuth wa Fatawa wa Hulul*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Badran, 'Abd al-Qadir bin Ahmad bin Badran. (1992). *al-'Uqud al-Yaqutiyyah fi Jayyid al-As'ilah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Maktabah al-Sadawi.
- DSN-MUI, Dewan Shariah Nasional Majelis Ulama Indonesia. (2010). *Jual beli emas secara tidak tunai* (Vol. 77/DSN-MUI/V/2010).
- Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub bin Sa'd al-Jawziyah. (1991). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Imiyah.
- Ibn al-Qudamah, Abu Muhammad Muwaffaq al-Din, 'Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah. (1968). *al-Mughni*. Kaherah: Maktabah al-Qahirah.
- Ibn al-Rusyd, Abu al-Walid, Muhammad bin Ahmad bin Rusyd al-Qurtubi. (1988). *al-Bayan wa al-Tahsil wa al-Syarh wa al-Tawjih wa al-Ta'lil li Mas'alah al-Mustakhrijah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Ibn Hazm, 'Ali bin Ahmad al-Dhahiri. (t.t). *al-Muhalla bi al-Athar*. Beirut: Dar al-Fkir.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il. (1994). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Taymiyyah, Abu al-Abbas Taqi al-Din, Ahmad bin 'Abd al-Halim bin Taymiyyah. (1417H). *Tafsir Ayat Asykalat*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Khalaf, 'Abd al-Wahab. (1375H). *Ilm Usul al-Fiqh*. Kaherah: Maktabah al-Da'wah.
- Lajnah al-Da'imah, li al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta'. (t.t). *Fatawa oleh Lajnah al-Da'imah* (A. b. A. a.-R. al-Duwaysy Ed.). Riyadh: Lajnah al-Da'imah li al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta'.
- Lokmanulhakim, Hussain, Mohamed Fairouz Abdul Kadir, dan Mohd Bahroddin Badri. (2013). *Analisis Kewajipan Zakat Emas Terhadap Pelaburan Emas di Malaysia*. Research Paper (Vol. No. 53/2013): International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA).
- Nazri, Mohd Nazri Chik. (2011). *Pendirian Syariah Terhadap Penggunaan Wang Kertas (Fiat Money)*. Kertas dibentangkan di Konvensyen Kewangan Islam, Shah Alam, Selangor.
- Saddam, 'Abd al-Qadir 'Abd Allah. (2006). *Bay' al-Dhahab wa al-Fiddah*. Jordan: Dar al-Nafais.